

## BILANGAN 21 IANYA

"Sokonglah Projek Cahaya Masjid Kg Siglap.  
Ianya menguntungkan kita semua."

"Sokonglah Projek Cahaya Masjid Kg Siglap. Ianya menguntungkan kita semua."

Ramai orang menganggap bahawa kata ganti **ia** merupakan padanan kepada **it** dalam bahasa Inggeris. **Ia** dikatakan untuk merujuk benda, binatang dan konsep. Menurut C.A. Mees, bahasa Melayu tidak mengenal kata ganti diri untuk hal-hal lain, selain manusia kecuali dalam cereka. Bahasawan Asraf dan Awang Sariyan mengatakan bahawa penggunaan **ia** / **ianya** sebagai satu pencemaran.

Begitulah keadaanya dengan petikan di atas. **Ianya** dikatakan merujuk kepada Projek Cahaya Masjid Kg Siglap. Memadailah jika seruan tersebut dicatatkan begini:

- 01 Sokonglah Projek Cahaya Masjid Kg Siglap yang menguntungkan kita. (Kekata 'semua' digugurkan kerana **kita** mengandungi unsur jamak)






Begitu juga dengan petikan kedua ini; Jaga sekitaran supaya **ianya** bersih dari haiwan perosak. Sebaik-baiknya perkataan **ianya** tidak digunakan langsung.

- 02 Jaga sekitaran supaya bersih dari (daripada) haiwan perosak.

Bagi menjaga keindahan bahasa, Asraf mencadangkan agar padanan **it**, dalam bahasa Inggeris itu digantikan dengan benda itu, barang itu (bagi merujuk benda dan barang), binatang itu (bagi merujuk haiwan) dan hal itu, perkara itu (bagi merujuk konsep, fikiran, dan fakta)

Atau, tidak menggunakannya langsung, sekiranya ayat tersebut membolehkan penggugurannya. Rujuk ayat 02, perkataan **ianya** digugurkan kerana kita tidak perlu mengulangi perkataan 'sekitaran'.

Bagaimana pula dengan petikan berikut. Cuba anda elakkan penggunaan **ianya**.

 <p>...kemahiran-kemahiran hidup memastikan agar para pelajar memperoleh nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang kukuh yang membentuk mereka sebagai orang dewasa yang bertanggungjawab dan warganegara yang aktif. <b>Ianya</b> terdiri daripada kunkulur bukan akademik.</p>	 <p><b>BULATAN TENGAH</b> mengenai kemahiran-kemahiran pengetahuan yang bertujuan untuk membangunkan kemahiran-kemahiran berfikir, proses dan berkomunikasi para pelajar. <b>Ianya</b> terdiri daripada subjek-subjek berdasarkan kemahiran.</p>	 <p><b>BULATAN LUAR</b> meliputi disiplin subjek-subjek berdasarkan isi iaitu Bahasa, Ilmu Kemanusiaan &amp; Kesenian, dan Matematik &amp; Sains. <b>Ianya</b> memastikan agar para pelajar memperoleh asas berbilang disiplin.</p>
<p><b>BULATAN YANG DALAM</b> memusatkan terhadap kemahiran-kemahiran hidup memastikan agar para pelajar memperoleh nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang kukuh yang membentuk mereka sebagai orang dewasa yang bertanggungjawab dan warganegara yang aktif. <b>Ianya</b> terdiri daripada kurikulum bukan akademik.</p>	<p><b>BULATAN TENGAH</b> mengenai kemahiran-kemahiran pengetahuan yang bertujuan untuk membangunkan kemahiran-kemahiran berfikir, proses dan berkomunikasi para pelajar. <b>Ianya</b> terdiri daripada subjek-subjek berdasarkan kemahiran.</p>	<p><b>BULATAN LUAR</b> meliputi disiplin subjek-subjek berdasarkan isi iaitu Bahasa, Ilmu Kemanusiaan &amp; Kesenian, dan Matematik &amp; Sains. <b>Ianya</b> memastikan agar para pelajar memperoleh asas berbilang disiplin.</p>